



النَّسْرَةُ

AL-NASHRAH

Quarterly UNISSA Newsletter

TITAH

"Beta amatlah bangga dengan kelahiran pertama graduan UNISSA. Dengan ini, bertambahlah lagi sumber tenaga manusia yang berilmu. Pertambahan ini tentu saja menjadi tanda kualiti sosial kian meningkat. Oleh itu ia patutlah disyukuri, sesuai dengan moto universiti, *Melahirkan Insan Yang Berilmu dan Bertaqwa*.

Ke arah merealisasikan moto tersebut, kerajaan beta sentiasa melihat, betapa pentingnya bidang ugama diambil berat untuk mengekalkan kecemerlangan yang ada. Kerana itu pendidikan dan pengajian ugama itu tidaklah pernah diabaikan, bahkan terus dipertingkatkan."

Titah Sempena Majlis Hafif At-Takharruj Pertama 2011, UNISSA, pada 7 Zulhijjah 1432/3 November 2011

Inside this Issue:

Kuliah Khas Melayu Islam Beraja	1
Mesyuarat ISCC Kedua di Thailand	1
Visits to UNISSA	2-5
UNISSA Mengikuti Congress 2016 of the Humanities and Social Sciences Di Kanada	7
UNISSA Became A Member of AUN-QA	7
Program Ziarah Mahabbah II	13
Sambutan Isra' dan Miraj, UNISSA	18
MoU between UNISSA and other universities	22 – 23

Kuliah Khas Melayu Islam Beraja

Pada 12 Rejab 1437 bersamaan dengan 20 April 2016, Kuliah Khas MIB bertajuk 'Pendidikan Melayu Islam Beraja (MIB): Ke Arah Melahirkan Generasi Berwawasan' yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar telah diadakan di Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Antara petikan ceramah tersebut ialah menurut Yang Mulia Pengiran Dato Paduka, lahirnya generasi berwawasan adalah hasil daripada pendidikan yang berterusan dengan meningkatkan mutu pendidikan dari semasa ke semasa serta kesedaran yang mendalam dan kecintaan kepada ilmu pengetahuan.

"Ilmu tidak pernah merugikan sesiapa kerana ilmu itu merupakan kunci kejayaan. Manusia tidak akan berubah tanpa ilmu dan bangsa tidak akan maju tanpa ilmu. Seterusnya negara tidak akan dapat membangun tanpa ilmu," jelasnya.



Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Pendidikan, tatkala menyampaikan Kuliah Khas MIB

Yang Mulia Pengiran Dato Paduka juga menegaskan generasi yang berilmu akan mempunyai wawasan, perancangan, strategi, daya saing dan daya juang yang tinggi.

Bersambung ke halaman 5

Mesyuarat ISCC Kedua Di Thailand



Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA semasa menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Pengajian Islam (Islamic Studies Coordinating Committee - ISCC) Kedua di Phuket, Thailand

Dalam usaha meluaskan lagi hubungan dan jaringan kerjasama strategik di antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan universiti-universiti terkemuka di rantau Asia Tenggara dan antarabangsa, Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal telah diundang untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Pengajian Islam (Islamic Studies Coordinating Committee - ISCC) Kedua, yang telah berlangsung di Phuket Graceland Resort & SPA Hotel, Phuket, Thailand pada 13 – 15 Sya'ban 1437 bersamaan dengan 20 – 22 Mei 2016.

Bersambung ke halaman 6

UNISSA Received Visit From PERGAS Singapore Delegation



PERGAS 's Delegates, Singapore with Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Deputy Rector of UNISSA and Dr Arman bin Haji Asmad, Assistant Rector

A three-member delegation from the Singapore Islamic Scholars & Religious Teachers Association (PERGAS), led by its president Ustaz Mohammad Hasbi bin Hassan made a goodwill visit to Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) on 24 Rejab 1437 correspondence to 2 May 2016.

PERGAS is a non-governmental organization (NGO) established in 1957

which has its own educational institution recognised by the Institute of Islamic Studies of PERGAS (IPIP) has visited UNISSA to discuss opportunities and establish a bridge towards realising the goals of its organisation.

To promote its objectives, it established PERGAS Investment Holdings (PIH) in 2003, a dynamic firm committed to bringing Shariah and ethical solutions

for a range of customers including institutional, corporate and community sectors.

The meeting was chaired by Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Deputy Rector of UNISSA. Also present were Dr Arman bin Haji Asmad, Assistant Rector; and several officers of UNISSA.

KPMSI Malaysia Delegation Visited UNISSA

On 15 Rejab 1437 correspondence to 23 April 2016, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) received a delegation from Kolej Profesional Mara Seri Iskandar (KPMSI), Perak led by Muhammad Wafiy Hazim bin Abdul Rahim, President of Business Faculty at KPMSI. The delegation comprised six lecturers, 39 male and 65 female students.

Welcoming the delegation was the Dean of Faculty of Economy and Islamic Finance, Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani and Acting Dean of Student Affairs Section, Nurhafizatulhikmah binti Haji Serbini.

Among the activities held was an introduction session with the screening of a corporate video followed by a briefing delivered by senior lecturer of Faculty of Economy and Islamic Finance, Dr Hajah Rose binti Abdullah. It was then proceeded by a briefing from KPMSI that was delivered by the Director of KPMSI, Halimahtun Saadiah binti Mohd Taib.

The theme of the visit was 'Cultural Discovery and Community Service at Kg Ayer'. Part of the objectives of this visit was for KPMSI students to gain experience being with Kg Ayer community. The programme was also intended for learning the



Group photo of delegates from Kolej Profesional MARA Seri Iskandar (KPMSI), Perak with Rector of Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal

cultural difference seen in Brunei by staying at Kg Ayer with foster family, and the programme allowed for fostering of ties between the two institutions that have different backgrounds and cultures.

UNISSA Terima Rombongan UMS Malaysia

Delegasi Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa, Kolej Kediaman 'E' Sesi 2015/2016, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah membuat kunjungan lawatan sambil belajar ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada 4 Rejab 1437 bersamaan dengan 12 April 2016.

"Jelajah Budaya Ke Brunei" yang merupakan tema program lawatan ke UNISSA yang disertai oleh 15 peserta delegasi terdiri daripada mahasiswa/mahasiswi mewakili organisasi penting kolej kediaman UMS, dan diketuai oleh Timbalan Pengetua Kolej Kediaman, Awang Mohd. Hilmey bin Saili.

Tujuan lawatan berkenaan ialah untuk memberi peluang kepada para delegasi untuk bertukar-tukar pandangan di antara pihak UMS dengan UNISSA. Selain itu, lawatan ini juga adalah untuk menambah pengetahuan dan berkongsi pengalaman berkaitan penambahbaikan mengenai pengurusan dan penglibatan mahasiswa yang ada di UMS. Di samping itu juga, peserta delegasi dapat melihat dengan lebih dekat mengenai budaya dan tradisi masyarakat yang berbeza di Negara Brunei Darussalam.



Delegasi Universiti Malaysia Sabah (UMS) bergambar ramai bersama Dekan Hal Ehwal Pelajar UNISSA, Ustaz Awang Supri bin Haji Sudin (Empat dari kiri depan)

Delegasi UMS telah dialu-alukan oleh Dekan Hal Ehwal Pelajar UNISSA, Awang Supri bin Haji Sudin dan Yang Di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Awang Haji Muhammad Nur Alif bin Haji Talib.

UNISSA Terima Kunjungan IAIN SMH Indonesia



Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr Haji Norarfian bin Haji Zainal (lima dari kiri) bersama Direktur Pascasarjana, Profesor Dr H Utang Ranuwijaya (empat dari kanan) dari Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sultan Maulana Hasanuddin (SMH), Banten, Indonesia

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima kunjungan delegasi dari Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sultan Maulana Hasanuddin (SMH), Banten, Indonesia pada 11 Rejab 1437 bersamaan dengan 19 April 2016.

Kunjungan ini merupakan kesinambungan perbincangan setelah termeterainya penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU)

dengan tontonan video korporat UNISSA dan seterusnya mendengarkan taklimat mengenai penubuhan dan pentadbiran UNISSA yang disampaikan oleh Timbalan Rektor, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Rektor UNISSA telah mengalu-alukan delegasi IAIN SMH, Banten seramai tiga orang yang diketuai oleh Direktur Pascasarjana, Profesor Dr H Utang Ranuwijaya .

Pihak delegasi juga dipersembahkan

dengan seterusnya mendengarkan taklimat mengenai penubuhan dan pentadbiran UNISSA yang disampaikan oleh Timbalan Rektor, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad. Sesi taklimat diakhiri dengan sesi dialog antara kedua-dua belah pihak dalam rangka merancang program-program persefahaman.



Ucapan Tahniah Kepada:



**Prof Madya Dr
Mahayudin bin Yahya**

Dinaikkan pangkat sebagai
Profesor Tamadun Islam

Timor- Leste Envoy Visited UNISSA



Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rector of UNISSA and Erminio da Silva Pinto, Charge d'Affaires of the Democratic Republic of Timor-Leste to Brunei Darussalam

Erminio da Silva Pinto, Charge d 'Affaires of the Democratic Republic of Timor-Leste to Brunei Darussalam, made a courtesy call to Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rector of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) on 6 Rejab 1437 correspondence to 14 April 2016.

Timor-Leste made the courtesy call aimed at reviewing opportunities for cooperation in the field of Islamic studies.

Also presented during the visit were the core officers of UNISSA.



UNISSA Rector, Dr Haji Norarfan Haji Zainal (3rd from right) with the Laos Ambassador to Brunei, Amphay Kindavong(2nd from right)

Laos Ambassador to Brunei, Amphay Kindavong paid a courtesy call on Dr Haji Norarfan Haji Zainal, Rector of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) on 8 Ramadan 1437 correspondence to 14 June 2016. During the courtesy, they discussed about sending Laos students to UNISSA to pursue their studies especially in the field of law.

UNISSA, through the Faculty of Syariah and Law, offers a double degree through the Bachelor of Laws and Bachelor of Syariah programmes.

UNISSA Received Visit From Laos Ambassador To Brunei

Laos Ambassador to Brunei Amphay Kindavong said that Lao students are very keen on deepening their knowledge on civil law and to familiarise themselves with Syariah law.

Despite having around 600 Muslims and without the availability of an Islamic learning institution, the Laos government's interest in sending its students to UNISSA to learn about Syariah law is a positive first step in introducing the true teachings of Islam to the people of Laos.

Also presented were the Deputy Rector, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad and UNISSA senior officials.

Turkey High Commissioner Visited UNISSA

The Rector of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) received a courtesy call from the High Commissioner of Turkey to Brunei on 23 Jamadilawal 1437 correspondence to 3 March 2016 to discuss potential collaboration opportunities between Brunei and Turkey in the field of education, particularly Islamic studies.

UNISSA's rector, Dr Haji Norarfan Haji Zainal and High Commissioner, Fikret Oguz Ates discussed the possibilities of having student and staff exchange programmes between UNISSA and higher learning institutions in Turkey.

Imprinted with the great Uthmaniyah legacy, Turkey has to date, 200 universities which all offer an Islamic learning programme, it said.

In a report last year, the Turkish embassy offered fully-funded scholarships to Bruneians interested in studying in the country.

The scholarship currently on offer is the "Türkiye Scholarships Programme" which covers a monthly stipend, full tuition fees, free one-year Turkish language course if necessary, accommodation, round-trip air ticket and health insurance.

The programme includes a wide range of fields of study such as science, engineering, technology, social sciences, Islamic studies and medical sciences. Present during the visit was Deputy Rector of Unissa, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.



Rector of UNISSA, Dr Haji Norarfan Haji Zainal with the High Commissioner of Turkey to Brunei, Fikret Oguz Ates

UNISSA Received Visit From Pakistan Deputy High Commissioner



Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rector of UNISSA during receiving courtesy call from Ahmed Ali Sirohey, Deputy High Commissioner of Pakistan to Brunei Darussalam

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) received a courtesy call from Ahmed Ali Sirohey, Deputy High Commissioner of Pakistan to Brunei Darussalam on 21 Jamadilawal 1437 correspondence to 1 March 2016.

During the visit, the two sides discussed issues relating to Islamic studies, particularly in Islamic jurisprudence.

The meeting also discussed a number of

current issues, particularly related to the development of Islam in the region.

The Pakistan High Commission also expressed its readiness to help foster the cooperation with any institution in Pakistan with UNISSA.

Also presented were the Deputy Rector of UNISSA and other key officials.

Kuliah Khas Melayu Islam Beraja

Dari halaman 1

Sebaliknya, tambah Yang Mulia Pengiran Dato Paduka, masyarakat yang jahil yang taraf dan tahap ilmunya rendah akan beku, jumud, bisu dan tidak bermaya, ia tidak akan berani untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran kerana tidak punya senjata yang diperlukan iaitu ilmu.

Turut hadir pada kuliah tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal; Timbalan Rektor, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Dr Salah Sebouai; pegawai-pegawai dan kakitangan UNISSA serta mahasiswa/mahasiswi tahun pertama sesi 2015/2016 (semester 2).

UNISSA Menerima Sumbangan Buku Daripada Republik Islam Pakistan

Pada 3 Ramadan 1437 bersamaan dengan 9 Jun 2016, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima sumbangan buku koleksi peribadi milik Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Ahmed Ali Sirohey.

Lebih 10 buah buku disumbangkan dan disampaikan sendiri oleh Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan yang diterima oleh Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Buku-buku berkenaan antaranya merupakan tulisan beliau sendiri, di samping karya para Duta Pakistan yang lain di mana semua buku-buku berkenaan adalah mengenai fakta dan sejarah Republik Islam Pakistan.

Menurut Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan, buku merupakan legasi yang akan dijadikan rujukan generasi akan datang, justeru, bagi beliau aktiviti sebegini sangat signifikan dalam memberikan sumber rujukan yang betul dan tepat mengenai sejarah negara beliau. Di samping dapat menyumbang kepada penambahan koleksi ilmiah bermutu tinggi di perpustakaan UNISSA yang pada kebiasaannya sukar didapati di premis buku biasa.



Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Ahmed Ali Sirohey menyerahtakan buku koleksi peribadi beliau kepada Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Hadir dalam majlis sumbangan buku berkenaan Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad dan Pemangku Pendaftar UNISSA, Dayang Hajah Surianah binti Haji Alias.

Mesyuarat ISCC Kedua Di Thailand

Sambungan dari halaman 1

Mesyuarat ISCC Kedua yang dianjurkan dan ditaja oleh Universiti Prince Songkla (PSU) ini bertujuan untuk membincangkan projek yang akan dilaksanakan hasil daripada resolusi yang dicapai pada Mesyuarat ISCC yang pertama.

Projek yang dicadangkan termasuk pendidikan yang bertujuan untuk melahirkan generasi baharu yang dipupuk dengan moral yang baik, mempunyai pengetahuan yang menyeluruh dan badan yang sihat, dengan memberikan penekanan kepada perkara seperti Kurikulum dan Garis Pandu Kursus; Pedagogi; dan Penyelidikan Wassatiyah; Penubuhan Persefahaman dan Kerjasama dengan memberikan penekanan kepada bidang-bidang utama seperti berikut: Promosi dan perkembangan pelajar dan pertukaran tenaga akademik, dialog antara agama dan antara budaya dan komunikasi, dan terjemahan bertulis buku teks dan akademik untuk pemahaman dan aplikasi Islam yang sebenar.

Cadangan projek ini amat berguna untuk pengalaman pengurusan pendidikan agama dan pemimpin agama Islam untuk membangunkan pendidikan, sains dan keharmonian kehidupan beragama yang akan terus menerus kekal pada masa akan datang.

Mesyuarat juga membincangkan persiapan bagi mengadakan Persidangan Antarabangsa Pengajian Islam Keempat yang dijadualkan akan diadakan pada bulan April 2017.

Dalam masa yang sama, mesyuarat juga berhasrat untuk meningkatkan penglibatan ahli akademik dan wakil-wakil setiap negara untuk merancang dan memberikan sumbangan positif dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Islam yang akan datang.

Seramai 19 ketua yang mewakili sebanyak 16 buah negara telah menghadiri Mesyuarat ISCC Kedua tersebut iaitu di antaranya Tan Sri Profesor Dr Mohammad Kamal Hassan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Profesor Dr Mohammed Hassan Awad dari Universiti Azhar, Mesir; Profesor Dr Mohammad Ahmad Musallam Al-Khalaileh, Jabatan Mufti, Jordan; Profesor Dr Sinasi Gunduz, Universiti Istanbul, Turki; dan beberapa wakil lain dari Jepun, Malaysia, Pakistan, Mesir, Jordan, Turki, Indonesia, Negara Brunei Darussalam, Timor-Leste, India, China, Kemboja, Republik Demokratik Rakyat Lao, Myanmar, Republik Filipina, dan tuan rumah Thailand.

Turut serta dalam rombongan UNISSA ialah Timbalan Rektor, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad .

UNISSA Mengikuti 'Congress 2016 of The Humanities And Social Sciences' Di Kanada



Profesor Madya Dr Ahmad Fadhel Yousif (hujung kiri), Dr Lilly Suzana binti Haji Shamsu (dua dari kanan) dan Hajah Nurul Nabilah binti Haji Ali (hujung kanan) dari UNISSA bersama salah seorang peserta kongres 2016; Dr Mark McGowan dari University of Toronto, Canada (dua dari kiri)

Pada 21 - 27 Sya'ban 1437 bersamaan dengan 28 Mei - 3 Jun 2016, perwakilan daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menghadiri dan membentang kertas kerja dalam Congress 2016 of the Humanities and Social Sciences yang bertema "Energizing Communities", bertempat di Universiti Calgary, Kanada.

Profesor Madya Dr Ahmad Fadhel Yousif, Pensyarah Fakulti Usuluddin, UNISSA membentangkan kertas kerja yang bertajuk '*Wasatiyyah in the Context of Fanaticism*'. Manakala, Dr Lilly Suzana binti Haji Shamsu pula membentangkan kertas kerja yang bertajuk '*Wasatiyyah: An Instrument for Youth Nation's Building in Brunei Darussalam*'.

Kongres 2016 melalui initiatif *Federation for the humanities and Social Sciences* ini sangat dinamik dan telah memberi sisi pandang baru dalam penghasilan tulisan akademik dan meningkatkan semangat untuk bekerjasama dalam multi disiplin ilmu.

UNISSA Becomes A Member of AUN-QA

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) was officially accepted as a member of AUN-QA (Asean Universities Network Quality Assurance) on 26 Jamadilakhir 1437 correspondence to April 4, 2016. AUN stands for ASEAN University Network was established in 1995 and its secretariat office is in Bangkok, Thailand.

AUN-QA is one of the important events in the AUN which aims to monitor and evaluate the quality of academic

programmes offered by members of the AUN.

Among the objectives of AUN are to strengthen the existing network between universities in the ASEAN and outside regions, to promote collaborative research and programmes of study taking into account the importance of the ASEAN community, strengthening cooperation and solidarity among academics, experts, researchers in the ASEAN member countries and being a policy maker in higher education in the ASEAN region.

The 3rd AIUA Meeting In Thailand



Deputy Rector from UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad (5th from right) during the opening ceremony of the 3rd AIUA Meeting in Thailand.

The 3rd Asian Islamic Universities Association (AIUA) took place on 11 Sya'ban 1437 correspondence to 18 May 2016 at Fatoni University, Southern Thailand. Representatives from various universities from various countries in ASEAN such as Brunei Darussalam, Malaysia, Indonesia and Thailand who is the host nation.


Representing the Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) was the Deputy Rector, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad along with Haji Mohammad Asnawi bin Haji Yakib, Assistant Registrar for the Deputy Rector's Office.

The opening ceremony was held at the Fatoni University where the guest of honor for the ceremony was Tan Sri Prof. Dr. Nordin Bin Kardi, Rector for Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS). In

attendees was also the Assoc. Prof. Ismail Lutfi Japakya, Rector of Fatoni University along with other representative delegates from various countries. Several talks were given during the opening ceremony which was presented by several local lecturers.

The agendas discussed included Quality Assurance for higher education institutions. AIUA's general principles for quality assurance has been developed to assess joint programs in one single accreditation procedure.

Other areas in discussion include AIUA Qualification Framework, AIUA Credit Transfer, Student Mobility and Access to University Education, and AIUA Joint research activities. The meeting also saw the acceptance of new members to the council from institutes in Indonesia and Malaysia.



Nearly turning a decade of its establishment, this is very significant and served as UNISSA's landmark denoting its diligence in enhancing its credibility on advancing academic programmes and strengthening its researches to be in line with the prestigious universities in the region.



Setinggi- tinggi Tahniah Kepada:



**Dr Abdul Nasir bin Haji
Abdul Rani**

Dekan Fakulti Ekonomi
dan Kewangan Islam

atas pengurniaan Pingat
Indah Kerja Baik (PIKB)



**Dr Hajah Sarinah binti
Haji Yahya**

Dekan Fakulti Usuluddin

atas pengurniaan Pingat
Indah Kerja Baik (PIKB)



**Dayang Norati Binti
Haji Basman**
Kerani Sulit
Pejabat Pendaftar

atas pengurniaan Pingat
Indah Kerja Baik (PIKB)

ورشة عمل تحسين الأداء



مجموعات المناقشة

وفي اليوم الثاني: الأربعاء ١١ شعبان ١٤٣٧ الموافق

١٨ مايو ٢٠١٦ : ثمت مناقشة مفهوم التقييم التربوي، والمارسات العملية الجيدة في قاعة الحاضرات وغيرها من المفاهيم. وبعد ذلك كُوّنت مجموعات للمناقشة.

أما في اليوم الثالث والأخير: الخميس ١٢ شعبان

١٤٣٧ الموافق ١٩ مايو ٢٠١٦ فناقشت المشاركون مفهوم الإدارة الصفيّة، وتقديم نماذج، واقتراحات، ومواصلة المجموعات للمناقشة والتقديم. قدمت كل مجموعة حسب الكليات، والمراكم نموذجاً لصياغة الأهداف والخرجات.

وفي اليوم الأخير قدم مدير الجامعة الدكتور الحاج نور عرفان بن الحاج زينل شهادات المشاركة لأعضاء هيئة التدريس الذين شاركوا في الورشة. أعدت هذه الورشة وحدة ضمان الجودة بالجامعة.

أقيمت ورشة عمل لتحسين الأداء بالقاعة الكبرى بالجامعة من يوم ١٠ إلى ١٢ شعبان ١٤٣٧ الموافق ١٧ إلى ١٩ مايو ٢٠١٦ .

قدم البرنامج الأستاذ المشارك الدكتور عبد الرحمن بن شiek من الجامعة الإسلامية العالمية باليزيا.

من الجانب النظري تطرقت الورشة إلى مفاهيم كثيرة في مجال الأداء، والممارسة العملية للتّعلم، والأهداف الجامعية الجيدة، والأهداف التعليمية، والمنهاج، ومخرجات البرامج، والميزات المطلوبة من الدراس الذي أكمل دراسته الجامعية في القرن الحادي والعشرين وغير ذلك.



وفي اليوم الأول: الثلاثاء ١٠ شعبان

١٤٣٧ الموافق ١٧ مايو ٢٠١٦

ركزت الورشة على الجانب النظري في التقديم حيث تطرقت إلى مفاهيم مختلفة عن إعداد البرامج التعليمية التعلمية، ومخرجات البرامج، والأهداف الجامعية الجيدة... إلخ



مجموعات المناقشة

Bengkel Penulisan Artikel Ilmiah Bagi Staf Akademik Tempatan Siri Ke-2



Para staf akademik yang mengikuti bengkel

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam dengan kerjasama Pusat Penyelidikan dan Penerbitan telah mengadakan ‘Bengkel Penulisan Artikel Ilmiah bagi Staf Akademik Tempatan Siri ke-2’, pada 28 Sya’ban 1437 bersamaan dengan 4 Jun 2016.

Fasilitator bagi bengkel tersebut ialah Profesor Mohd Sakri@Shukri bin Salleh, Profesor Adjung Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam UNISSA / Pengarah, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM).

Bengkel berkenaan diadakan di Auditorium UNISSA.

Bengkel Menerokai Ilmu ICT Secara Praktikal



Para peserta yang mengikuti ‘Bengkel Menerokai Ilmu ICT Secara Praktikal’

Aktiviti Riadah Berjalan Kaki

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan aktiviti riadah berjalan kaki di UNISSA pada setiap hari Rabu jam 4 petang.

Semua warga UNISSA hadir dan turut serta dalam aktiviti tersebut yang bertujuan untuk membudayakan gaya hidup sihat di kalangan warga UNISSA.



Bengkel Penulisan Tesis Dan Artikel Ilmiah Bagi Siswazah UNISSA Siri Ke-2

Pada 26 Sya’ban 1437 bersamaan dengan 2 Jun 2016, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam dengan kerjasama Pusat Pengajian Lepas Ijazah telah mengadakan ‘Bengkel Penulisan Tesis dan Artikel Ilmiah bagi Siswazah UNISSA Siri ke-2’, yang dibuka kepada pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah UNISSA.

Fasilitator bengkel tersebut ialah Profesor Mohd Sakri@Shukri bin Salleh, Profesor Adjung Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam UNISSA / Pengarah, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM).

Bengkel ini bertempat di Auditorium UNISSA.



‘Bengkel Menerokai Ilmu ICT Secara Praktikal’ yang telah disampaikan oleh Dr Adam bin Haji Jait

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan ‘Bengkel Menerokai Ilmu ICT Secara Praktikal’ pada 25, 26 & 28 Sya’ban 1437 bersamaan dengan 1, 2 & 4 hb Jun 2016 bertempat di Bilik Makmal ICT 2 .

Bengkel tersebut dibuka kepada Tenaga Akademik Tempatan dan Luar Negara serta Staf Sokongan dan disampaikan oleh Dr Adam bin Haji Jait, Pengarah Pusat Teknologi dan Multimedia, UNISSA.

Ucapan Tahniah dan Selamat Datang Kepada:



Awang Haji Abdullah bin Haji Ismail

Pegawai Kewangan, UNISSA yang telah melapor diri pada 24 Rejab 1437 bersamaan 02 Mei 2016.



Dayang Norhasinah binti Haji Moksin

Pustakawan Kanan, UNISSA yang telah melapor diri pada 24 Rejab 1437 bersamaan 02 Mei 2016.



Dayang Diani binti Haji Serudin

Setiausaha Sulit, Pejabat Rektori UNISSA yang telah melapor diri pada 14 Ramadan 1437 bersamaan 20 Jun 2016.

Kuliah Khas MIB Daripada Jabatan Adat Istiadat Negara



Penolong Yang Di-Pertua Adat Istiadat, Jabatan Adat Istiadat Negara, Pengiran Dr Hidop bin Pengiran Haji Samsuddin sekutu menyampaikan Kuliah Khas MIB

Universiti Islam Sultan Sharif Ali telah mengadakan ceramah kuliah khas MIB yang bertajuk 'Adat Istiadat Mendukung Keharmonian dan Memungkin Pembangunan' pada 5 Rejab 1437 bersamaan dengan 13 April 2016 di Dewan Jubli UNISSA. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Penolong Yang Di-Pertua Adat Istiadat, Jabatan Adat Istiadat Negara, Pengiran Dr Hidop bin Pengiran Haji Samsuddin.

Antara lain perkara yang dijelaskan ialah adat yang diamalkan merupakan warisan daripada datuk nenek sejak dahulu lagi yang bertahan hingga sekarang bagi melambangkan ketamadunan bangsa Melayu Brunei yang tinggi dan terbukti boleh melawan arus zaman seperti istiadat berpuspa, permasyhuran dan istiadat menggelar pembesar diraja.

Adat itu tidak berubah sejak dulu lagi (asli dari dahulu) menunjukkan masyarakat Melayu Brunei itu secara turun-temurun juga bersatu hati dalam mempertahankan adat istiadat yang diamalkan bagi mengikat keharmonian sesama ahli masyarakat Melayu Brunei.

Turut hadir pada kuliah berkenaan ialah Penolong Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Pengiran Dr Haji Saiful Bahrin bin Pengiran Haji Kula; pegawai-pegawai dan kakitangan UNISSA serta mahasiswa dan mahasiswi dari tahun pertama semester II bagi tahun 2015/2016 seramai 189 orang.

Program Siswa Celik \$\$\$

Bagi memberikan pendedahan kepada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengenai kepentingan menguruskan wang dengan bijak, Nadi Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA menganjurkan Program Siswa Celik \$\$\$, program yang julung kalinya diadakan oleh UNISSA untuk para pelajar.

Program tersebut diadakan pada 1 Rejab 1437 bersamaan dengan 9 April 2016 dan telah disampaikan oleh Zulfadzilah binti Brahim dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Hadir selaku tetamu hormat majlis ialah Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Doktor Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin.



*(Kiri) Zulfadzilah binti Brahim dari Bank Islam Brunei Darussalam menyampaikan ceramah Program Siswa Celik \$\$\$
(Kanan) Para peserta program Program Siswa Celik \$\$\$*

Taklimat Kerjaya



Taklimat Kerjaya 'Temu Duga' yang diadakan di Dewan Auditorium UNISSA

Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Taklimat kerjaya 'Temu Duga' pada 14 Sya'ban 1437 bersamaan dengan 21 Mei 2016 - taklimat tahunan khusus bagi bakal graduan yang akan menceburи bidang pekerjaan.

Dalam taklimat oleh Bahagian Pengambilan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Dayang Norhazirah bin Haji Ismail mengongsikan mengenai jenis iklan yang sesuai dipohon oleh para graduan, iaitu iklan 7(a), perkara yang perlu diambil berat semasa memohon jawatan kosong dan perkara yang perlu dilakukan sebelum temu duga.

Wakil dari Pejabat SPA, Awang Mohd. Shami bin Halim Shah pula menekankan kepada bakal graduan UNISSA untuk tidak terlalu bergantung kepada pihak kerajaan kerana saingan untuk mendapatkan pekerjaan di pihak kerajaan adalah amat sengit.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, Kementerian Pendidikan bersama EXCO Unit Akademik dan Kepimpinan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Program 'Kurapak Kitani' Siri 3 bertajuk "My Call of Duty: Time To Shine" pada hari Sabtu, 15 Rejab 1437 bersamaan dengan 23 April 2016 di Dewan Jubli, UNISSA.

Dalam program kali ini, pihak pengatur telah mengundang Mahasiswa Sarjana Sejarah dan Tamadun Islam, UNISSA, Awang Adi Aismat bin Lamat dan Mahasiswa Kedoktoran Bidang Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dayang Hajah Ummi Faizah binti Abd. Rahman. Sesi Ceramah telah dipengerusikan oleh Dayang Siti Julaiha binti Puasa, Naib Yang Di-Pertua II, MPP, UNISSA.

Ceramah antaranya menyentuh kepentingan bagi seseorang

Seterusnya, Yang Di-Pertua Persatuan Alumni UNISSA, Awang Haji Mohammad Syazwan Nizar bin Haji Mat Zain mengongsikan bahawa beliau bekerja dengan pihak swasta sebelum bekerja dengan pihak kerajaan dan ini banyak membantu dan mencerahkan lagi peluang beliau diambil untuk bekerja dengan pihak kerajaan.

Beliau menambah, sepanjang tempoh mencari pekerjaan, beliau mengamalkan Sembahyang Sunat Hajat setiap malam dan Sembahyang Sunat Duha setiap pagi untuk membuka pintu rezki.

Pengongsian terakhir adalah daripada Pengasas Battle Pro Group, Awang Haji Syed Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah. Beliau mengajak para belia termasuk bakal graduan untuk berdikari tanpa mengharapkan pihak kerajaan dalam mencari mata pencarian dengan membuka perniagaan sendiri.

'Kurapak Kitani' Siri Ke-3



Program 'Kurapak Kitani' Siri 3 bertajuk "My Call of Duty: Time To Shine" yang telah disampaikan oleh Awang Adi Aismat bin Lamat dan Dayang Hajah Ummi Faizah binti Abd. Rahman (hujung kiri)

itu menjaga hubungannya sebagai seorang hamba kepada Allah dalam menunaikan kewajipan dan menjauhi larangannya.

Sebagai seorang pelajar universiti juga disaran supaya berani keluar dari "comfort zone". Mereka seharusnya sentiasa bersyukur dengan segala kurniaan Allah di samping sentiasa bersifat merendah diri kepada orang di sekeliling. Berada di universiti sebagai seorang mahasiswa atau mahasiswi bukan bermakna seseorang itu telah berjaya mencapai matlamatnya, akan tetapi yang paling mustahak ialah bagaimana dirinya dapat mengaplikasikan ilmu yang diperolehnya ke dunia luar.

Seramai 100 mahasiswa dan mahasiswa UNISSA hadir menyertai program berkenaan terdiri daripada pelajar tahun satu dan dua.

Ucapan Tahniah dan Selamat Datang Kepada:



Haji Faritz Azirul bin Haji Ramlie

Penjadual, Pusat Teknologi dan Multimedia, UNISSA yang telah melapor pada 28 Sya'ban 1437 bersamaan dengan 4 Jun 2016.



Dayang Julia binti Radin

Penerbit Kanan, Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, UNISSA yang telah melapor diri pada 16 Rabiulawal 1437 bersamaan 26 Januari 2016.



Dayang Nadhirah binti Haji Muhammad Jaya

Kerani Bahasa Arab, UNISSA yang telah melapor diri pada 15 Rejab 1437 bersamaan 23 April 2016.

Majlis Pelancaran Alumni UNISSA



Rektor
UNISSA, Dr
Haji Norarfan
bin Haji Zainal
bergambar
ramai bersama
Alumni
UNISSA

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) aktiviti, kursus dan bengkel kemahiran diri telah mengadakan Majlis Pelancaran bagi memenuhi kehendak pasaran kerja dan Persatuan Alumni UNISSA pada 23 juga berdikari bagi mereka yang sedang mencari dan menunggu pekerjaan tetap. Jamadilakhir 1437 bersamaan dengan 1 April 2016.

UNISSA komited untuk membantu para alumninya dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan dan mutu kemahiran individu. Antara usaha yang tersebut iaitu mengadakan

Perkara itu dinyatakan oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa melancarkan penubuhan Persatuan Alumni UNISSA, berlangsung di Auditorium UNISSA.

Majlis Law Dinner UNISSA



Ketua Hakim Negara bersama para jemputan Majlis 'Law Dinner' UNISSA

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) telah mengadakan Majlis Makan Malam Undang-Undang atau 'Law Dinner' pada 26 Sya'ban 1437 bersamaan dengan 2 Jun 2016, bertempat di Hotel Parkview, Jerudong.

Majlis bertemakan '*the Elegant Black & White*' itu telah mengumpulkan 100 para jemputan terdiri daripada Peguam dari Pejabat Peguam Negara dan firma-firma Guaman berserta mahasiswa dan mahasiswa FSU tahun ketiga hingga tahun ke lima, UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Haji Awang Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli dan dialu-alukan oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Antara tujuan utama majlis tersebut adalah untuk membina hubungan dan jaringan di antara mahasiswa mahasiswi UNISSA yang menjalani kursus undang-undang dengan pengamal undang-undang di negara ini. Di samping itu, ia juga memberikan pendedahan kepada mahasiswa-mahasiswi untuk menerokai dunia guaman dengan interaksi secara '*in-person*' dengan individu-individu yang berpengalaman dalam bidang guaman sama ada sebilangan Syariah.

Terdahulu acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dikepalai oleh Awang Abdul Hanan bin Haji Erwan. Turut sama menyampaikan ucapan ialah Presiden Persatuan Undang-Undang Brunei, Awang Haji Mohamad Rozaiman bin Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Program Ziarah Mahabbah II

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) mengadakan Program Ziarah Mahabbah II iaitu satu program berkebajikan bersempena menyambut kedatangan Bulan Ramadan 1437 Hijrah.

Program ini telah diadakan selama dua hari iaitu pada 23 dan 24 Sya'ban 1437 bersamaan dengan 28 dan 29 Mei 2016 yang melibatkan perkampungan Mukim Kiudang.

Kemuncak acara program ialah penyerahan bantuan kepada tujuh keluarga terpilih yang telah berlangsung pada 24 Sya'ban 1437 bersamaan dengan 29 Mei 2016 bertempat di Dewan Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Mukim Kiudang, Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal dan seterusnya menyerahkan barang keperluan seperti beras dan gula kepada keluarga yang terlibat. Turut serta memberikan sokongan program ini ialah Dekan FEKIm, Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Timbalan Dekan, para tenaga akademik FEKIm dan kakitangan UNISSA.

Program bertemakan "Belia Pemedulian, Modal Insan Berwawasan" ini telah melibatkan seramai 57 mahasiswa



Penyerahan sumbangan bantuan kepada salah sebuah keluarga terpilih disampaikan oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal

dan mahasiswa tahun pertama dan ketiga FEKIm, dipengerusikan oleh Awang Shah Isra Firdaus bin Haji Ismail, mahasiswa tahun ketiga fakulti berkenaan.

Antara tujuan program itu diadakan agar para mahasiswa dan mahasiswa dapat menunjukkan '*qudwah hasanah*' kepada generasi pelapis supaya lebih peka dengan kehidupan masyarakat.

Program Tunas Harapan

Universiti Islam Sultan Islam Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) telah mengadakan Program Tunas Harapan 2016 iaitu satu program inisiatif para pelajar dalam membina jati diri mereka yang berlandaskan etika Islam pada 16 Sya'ban 1437 bersamaan dengan 23 Mei 2016.

Program berkenaan melibatkan 55 orang mahasiswa-mahasiswa Tahun Kedua, FEKIm yang dipengerusikan oleh Abdul Wafiy bin Haji Adanan, Program Sarjana Muda Sains Kewangan Islam yang disertai sama oleh Timbalan Dekan FEKIm, Dr Kamaru Salam bin Yusof dan beberapa orang tenaga akademik FEKIm.

Ketibaan rombongan dari UNISSA itu dialu-alukan oleh Penolong Guru Besar, Sekolah Rendah Rimba I, Dayang Norani binti Haji Lusin.

Melalui program tersebut, mahasiswa dan mahasiswa FEKIm diharap dapat melahirkan tunas belia yang boleh memimpin masyarakat di masa hadapan berlandaskan etika Islam di samping memupuk semangat patriotik, setiaawan, kerjasama, tolong-menolong, kreatif dan bertanggungjawab menyumbang bakti kepada agama, raja, bangsa dan tanah air.

Program ini menyasarkan sebanyak tiga aktiviti utama yang menjadi peneraju bagi mencapai sasaran objektif program iaitu aktiviti "Jom Buat Tabung Harapan", aktiviti "Pengenalan Etika" dan diakhiri dengan "Amazing Race".

Dengan berlangsungnya program ini diharap akan menjadi satu program inisiatif yang berkesinambungan bagi mahasiswa dan mahasiswa FEKIm yang kemudian akan dilaratkan ke sekolah-sekolah lain di masa akan datang.



Antara aktiviti Program Tunas Harapan 2016 yang berlangsung di Sekolah Rendah Rimba I

Pertandingan Dai'e Muda



Timbalan Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad (tiga dari kanan) hadir menyaksikan pertandingan Dai'e Muda

UNISSA telah mengadakan Pertandingan Da'ie Muda sempena Program Suhwatul Ummah pada 26 Jamadilakhir 1437 bersamaan dengan 4 April 2016 di Dewan Auditorium UNISSA.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah *Al-Fatihah* beramai-ramai diikuti dengan Pertandingan Da'ie Muda.

Awang Muhammad Anuar bin Haji Bahar dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) muncul juara dengan syarahannya 'Allah Maha Penyayang', manakala Awang Mohammad Nor Adli bin Haji Manan juga dari UNISSA dan Awang Mohammad Khairul Muaz bin Haji Sibodaud dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) masing-masing mendapat tempat kedua dan ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Timbalan Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Seramai 8 peserta menyertai pertandingan berkenaan terdiri daripada mahasiswa UNISSA, KUPU SB, Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Teknologi Brunei.

UNISSA Participated In Borneo Universities Friendship Games



UNISSA sent 17 athletes to participate in Universities Friendship Games in Sabah

Seventeen athletes from Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) participated in the Borneo Universities Friendship Games hosted by Universiti Malaysia Sabah (UMS) from 12–14 Rejab 1437 correspondence to April 20–22, 2016.

Present at the flag handover ceremony were Dr Haji Norarfian bin Haji Zainal, Rector of UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Deputy Rector of UNISSA; and other officers.

According to a press release, UNISSA contingents participated in six events and was led by Haji Mohammad Samari bin Haji Mohammad Noh, Assistant Registrar of Bursar's Office, UNISSA.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) through its Student Affairs Division and the Welfare and Community Unit of the Student Representatives Council organized Ramadan Food Drive, a fundraising drive to contribute to underprivileged families during the month of Ramadan 1437. The food drive, which is only open to students, lecturers and staff of UNISSA, began 4–8 Rejab 1437 correspondence to 12–16 April 2016.

Secretariat of Society and Welfare Unit, Normajidah Rapidi, said the donation will be distributed to the families on 26 Sya'ban 1437 correspondence to June 2, before the coming month of Ramadan.

EXCO of Society and Welfare, Muhammad Afeef Haji Mashor also stated that the initiative was part of UNISSA Society and Welfare Unit's effort to alleviate the burden of the less fortunate families for the upcoming Ramadan. In addition to the donation received, money collected from their charity sale programme 'MPP Baramal' in March as many as \$400 will also be used to fund the Ramadan Food Drive.

Ramadan Food Drive



35 Buah Keluarga Terima Sumbangan Dari UNISSA

Kedatangan bulan Ramadan yang penuh kerahmatan ini bertujuan untuk mendidik jiwa untuk menjadi manusia bertakwa.

Kelaparan yang dirasai oleh orang berpuasa sepanjang bulan Ramadan itu merupakan manifestasi daripada kesusahan yang dihadapi oleh orang yang kurang berkemampuan.

Sehubungan itu, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan Majlis Perwakilan Pelajar telah mengadakan program bantuan amal dikenali dengan 'RAMADAN FOOD DRIVE'.

Projek berkenaan telah dilaksanakan selama dua hari bermula pada 3 dan 5 Jun itu adalah projek pertama yang telah diungkayahkan oleh UNISSA sempena menyambut kedatangan bulan Ramadan.

Projek ini dapat dijalankan melalui sumbangan yang dihulurkan berbentuk kewangan, makanan asasi seperti beras, minyak masak, gula, garam, dan lain-lain.

Sumbangan ini telah diserahkan



Rombongan UNISSA bersama keluarga yang mendapat sumbangan

kepada 35 buah keluarga terdiri daripada keluarga-keluarga orang kurang upaya (OKU) dan yang kurang berkemampuan.

Antara tujuan projek ini dijalankan adalah dihasratkan untuk memberi galakan kepada warga UNISSA untuk terus beramal secara konsisten melalui aktiviti yang dirancang.

Para mahasiswa dan mahasiswi UNISSA juga akan dapat merasakan satu perasaan bertanggungjawab dalam membantu golongan OKU dan

orang yang kurang berkemampuan, di samping menanamkan rasa kesedaran dan keinsafan seterusnya membina motivasi diri untuk meningkatkan usaha dalam pembelajaran.

Projek ini telah berjaya diungkayahkan dan mendapat sokongan daripada Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal yang menyertai projek dan menyampaikan sumbangan-sumbangan tersebut.



Rektor UNISSA Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal (kanan) menyampaikan sumbangan.



Rektor UNISSA bersama rombongan UNISSA

Religious Talks For 'Awakening The Ummah' Programme

UNISSA hosted the 'Awakening the Ummah' programme over a course of four days, aimed to educate Brunei youths about their importance to the country, and of staying away from things that do not benefit the religion, the society and the country.

The Student Affairs Section of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) organised two days of religious talks, as part of the university's 'Awakening the Ummah' programme.

Present as guest of honour at the event was Ustaz Supri bin Haji Sudin, the Dean of Student Affairs at UNISSA.

The first talk held on 23 Jamadilakhir 1437 correspondence to 1 April 2016, entitled '*Ahamiyatul Syabab*' (The Importance of Youth), was delivered by Ustaz Isham bin Ismail, a Religious Propagation Officer from the Islamic Da'wah Centre, who encouraged youths to adopt five important habits: diligence, piety, flexibility, contemplative worship and the ability to prioritise.

The second lecture, '*Hamasah As-Syabab*' (Spirit of Youth) was delivered, by Dr Kamaru Salam bin Yusof on 24 Jamadilakhir 1437 correspondence to 2 April 2016.



A talk entitled 'Ahamiyatul Syabab' (The Importance of Youth) delivered by Ustaz Isham bin Ismail

Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran Sempena Bulan Ramadan

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran pada 3 Ramadan 1437 bersamaan dengan 9 Jun 2016 sebelum acara Tadarus Al-Quran sepanjang bulan Ramadan dijalankan. Majlis ini telah diadakan di Auditorium UNISSA.

Majlis dihadiri oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal dan para pegawai, pensyarah serta kakitangan UNISSA.

Atur cara majlis dimulakan dengan sesi tazkirah yang menyentuh mengenai kepentingan membaca Al-Quran dan ganjarannya yang disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Usuluddin, Dr Sayyed Abdul Hamid Al Mahdaly.

Bacaan tadarus kemudian dimulakan dengan bacaan Surah *Al-Fatiha* yang diketuai oleh Rektor UNISSA. Pembacaan Tadarus Al-Quran dibahagikan pada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan terdiri daripada lima orang.

Majlis Tadarus Al-Quran ini merupakan aktiviti tahunan yang diharap dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga UNISSA. Di samping itu juga, warga UNISSA berpeluang untuk sama-sama mendekatkan diri dengan Al-Quran serta meningkatkan amal ibadat pada bulan Ramadan.



Para pensyarah dan staf yang ikut serta dalam majlis bertadarus

UNISSA Anjurkan Majlis Nuzul Al-Qur'an



(Kiri) Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad selaku Pemangku Rektor dan tetamu kehormat majlis menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang anak yatim di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an UNISSA.

(Kanan) Para hadirin terdiri daripada Pegawai-pegawai utama, pegawai-pegawai, pensyarah-pensyarah dan pelajar UNISSA menghadiri majlis berkenaan.

Pada 21 Ramadan 1437 bersamaan dengan 27 Jun 2016, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an serta Penutup Tadarus dan Iftar Jama'ie yang berlangsung di Auditorium UNISSA.

Tetamu kehormat dalam majlis tersebut ialah Yang Mulia Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad selaku Pemangku Rektor UNISSA. Turut menghadiri majlis berkenaan ialah para pegawai-pegawai utama, pegawai-pegawai, pensyarah-pensyarah, kakitangan dan mahasiswa mahasiswi UNISSA.

Atur cara majlis dimulakan dengan Khatam Al-Qur'an sebagai penutup tadarus yang telah dijalankan oleh warga UNISSA sepanjang bulan Ramadan dan majlis diselajurkan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim oleh tetamu kehormat. Majlis diteruskan dengan sesi tazkirah yang telah disampaikan oleh Dr Haji Shohibuddin Laming, pensyarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UNISSA. Selesai tazkirah, tetamu kehormat majlis dan para hadirin berbuka puasa beramai-ramai dan menunaikan sembahyang Maghrib berjemaah di dewan berkenaan.

Pelajar Antarabangsa UNISSA Sambut Ramadan Di Brunei

Para mahasiswa dan mahasiswi antarabangsa yang menuntut di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menjalani puasa di bulan Ramadan jauh dari kampung halaman mereka. Walau demikian, pengalaman yang sangat berharga diperolehi dalam menjalani ibadah puasa di tempat asing, seperti yang dikongsikan oleh beberapa pelajar antarabangsa UNISSA.



*Mahade Hasan, Bangladesh
Master of Arabic Language (By Research)*

Pelajar jurusan Master of Arabic Language (By Research), Mahade Hasan yang berasal dari Bangladesh menjelaskan, ini merupakan kali pertama beliau berpeluang berpuasa di negara ini dan beliau tertarik dan kagum dengan keunikan serta kekuatan Islam di negara ini, masyarakat saling menghormati di antara satu dengan lain.



*Latifa Mohammed Ammar, Mesir
Bachelor of Arabic Language*

Sementara itu, pelajar tahun akhir UNISSA yang mengambil jurusan Arabic Language, Latifa Mohammed Ammar berasal dari Mesir berkata, walaupun berada di negara orang, ia tidak langsung menghalangnya dan rakan lain untuk menjalani ibadat puasa dengan sempurna.

Untuk berbuka pula terangnya, beliau dan rakan-rakan yang lain di universiti itu bertuah kerana sering dijemput untuk berbuka dan seterusnya mendirikan Solat Isyak dan Solat Sunat Tarawih bersama-sama rakan-rakan tempatan dan kesempatan yang ada itu memberi peluang kepada mereka untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara rakan yang lain.



*Abuhason Yusoh, Thailand
Master of Islamic Banking*

Bagi Abuhason Yusoh yang berasal dari Narathiwat, Thailand, yang mengambil jurusan Master of Islamic Banking menjelaskan pengalaman berpuasa di negara ini sangat selesa dan beliau rasa kagum dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang memberikan pelbagai kemudahan dan kelonggaran pada waktu berpuasa kepada rakyatnya seperti waktu bekerja dikurangkan menjadi enam jam sehari, aktiviti mengimarahkan masjid giat dilaksanakan di sepanjang bulan Ramadan dan pelbagai bentuk sumbangan derma untuk anak-anak yatim juga turut diadakan.

*Hawwa Malsa Ali, Maldives
Bachelor of Science in Islamic Finance*



Hawwa Malsa Ali yang berasal dari Maldives dan mengambil jurusan Bachelor of Science in Islamic Finance berkata, walaupun berada di negara orang, beliau dan rakan yang lain tidak menghadapi sebarang masalah untuk berpuasa memandangkan waktu berpuasa di sini adalah singkat. Salah satu keutamaan beliau di bulan Ramadan katanya, ialah untuk lebih mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala antaranya dengan lebih memperbanyak membaca Al-Quran.

Sambutan Isra' Dan Mi'raj UNISSA

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Sambutan Peristiwa Isra' dan Mi'raj Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada 19 Sya'ban 1437 bersamaan dengan 26 Mei 2016 di Auditorium UNISSA.

Ceramah Khas sempena Sambutan Isra' dan Mi'raj, UNISSA telah disampaikan oleh Awang Muhd. Anuar bin Haji Bahar, mahasiswa Tahun Kedua, Fakulti Syariah dan Undang-undang sebagai latihan dalam bidang dakwah.

Beliau menyentuh bahawa sikap dan syaksiah diri yang baik akan mudah terbentuk dengan cara melaksanakan sembahyang dan segala dosa-dosa kecil akan terhapus dengan sebab sembahyang.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahsil serta Khatam Al-Quran bagi pegawai dan kakitangan sokongan UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfian bin Haji Zainal.



Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj yang berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA

Turut menghadiri majlis tersebut Timbalan Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Penolong Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad; Pegawai-pegawai Utama, pegawai-pegawai dan kakitangan serta pensyarah-pensyarah UNISSA.

Closing Ceremony For a Fire Marshall Course

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) through its Student Affairs Section in cooperation with Public Relations Division of the Fire and Rescue Department held a closing ceremony for a Fire Marshal course at the Headquarters of the Fire and Rescue Department on 21 Sya'ban 1437 correspondence to 28 May 2016.

Attending as the guest of honour at the event was Haji Ahmad bin Haji Daud, the Head of Public Relations, Fire and Rescue Department, who presented the participants with their certificates.

The course took place from 16–18 Sya'ban 1437 correspondence to 23-25 May 2016, involving 18 participants comprising 4 officers, 2 support staff and 12 students of UNISSA.

Activities carried out during the course include learning how to help victims in a fire situation, an action plan for dealing with emergencies, building evacuation procedures, going into a smokehouse as well as an introduction to fire prevention tools and how to use them. This would equipped the



Group photo of UNISSA's participants attending the Fire Marshall Course

participants with the ability to act quickly in providing assistance in the event of any emergency or fire before the arrival of Fire and Rescue personnel. It would also establish the character of all the participants to be more disciplined, to help one another and to be tolerant in a team.

Also present at the closing ceremony in addition to the participants was Rozita binti Haji Kamis, Fire Marshal Course Coordinator; Ustaz Supri bin Haji Sudin, the Dean of Students Affairs Section at UNISSA as well as the Deputy Dean of Student Affairs Section, officers and staff of the Public Relations Division of the Department of Fire and Rescue.

Forum Peranan Guru Dalam Perlindungan Kanak-kanak



Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, UBD, Dr Hajah Salwa binti Dato Seri Setia Haji Mahalle (tengah) dan ahli-ahli panel iaitu DSP Hajah Mariyani binti Haji Abdul Wahab (lujung kiri) dari Pasukan Polis Diraja Brunei dan Ustazah Dr Lilly Suzana binti Haji Shamsu daripada Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) (lujung kanan)

Pada 28 Jamadilakhir 1437 bersamaan dengan 6 April 2016, Dr Lilly Suzana binti Haji Shamsu daripada Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang juga merangkap sebagai Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, UNISSA telah diundang sebagai ahli panel bagi Forum Peranan Guru Dalam Perlindungan Kanak-kanak yang diadakan oleh Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (IPSHB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor, UBD.

Perbincangan forum memfokuskan peranan guru-guru dan kaunselor dalam melindungi kanak-kanak di sekolah.

Turut dijemput sebagai ahli panel forum ialah DSP Hajah Mariyani binti Haji Abdul Wahab daripada Ketua Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak di Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei dan forum tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, UBD, Dr Hajah Salwa binti Dato Seri Setia Haji Mahalle.

Ceramah Khas 'Ada Apa Dengan Ramadan?'



Dr Lilly Suzana binti Haji Shamsu dan para pegawai dan kakitangan yang hadir pada majlis tersebut

Forum Majlis Sambutan Isra' Dan Mi'raj 'Sembahyang Kunci Syurga'

Pada 6 Rejab 1437 bersamaan dengan 14 April 2016, Penolong Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Mohd Khairul Nazif bin Haji Awang Damit telah dijemput selaku ahli panel forum yang diadakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan di bawahnya

Forum yang mengetengahkan tema Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara Tahun 1437 Hijrah iaitu 'Sembahyang Kunci Syurga' tersebut menjemput sama Pengarah Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr Haji Noralizam bin Haji Aliakbar sebagai ahli panel dan dipengerusikan oleh Timbalan Pendakwa Syar'ie, Unit Perundungan Islam, Awang Haji Abdul Azim Azman bin Judin.



Forum yang telah disampaikan oleh Pengarah Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr Haji Noralizam bin Haji Aliakbar (tengah) dan Penolong Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Mohd Khairul Nazif bin Haji Awang Damit (lujung kanan)

Dalam forum tersebut, diketengahkan mengenai beberapa keistimewaan kefarduan sembahyang kepada umat Islam. Ahli panel turut menyentuh bagaimana sembahyang boleh membentuk psikologi positif seorang Muslim .

Forum berkenaan berlangsung di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, KHEU.

Pada 8 Ramadan 1437 bersamaan dengan 14 Jun 2016, Dr Lilly Suzana binti Haji Shamsu daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diundang menjadi penceramah jemputan dalam Majlis Ceramah Khas sempena Bulan Ramadan 1437 Hijrah / 2016 Masihi bagi pegawai-pegawai dan kakitangan wanita Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di dalamnya.

Ceramah yang bertajuk 'Ada Apa Dengan Ramadan?' itu diadakan di kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan, Yang Mulia Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad. Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan wanita yang berugama Islam di Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di dalamnya.



صورة الدورة المكثفة للمدير والموظفو والطلاب والطالبات

تقرير عن الدورة المكثفة

مركز تنمية العلوم واللغات: الدورة المكثفة في اللغة العربية من ٢٧ جمادى الأولى ١٤٣٧ الموافق ٧ مارس ٢٠١٦ إلى ٢٩ رجب ١٤٣٧ الموافق ٧ مايو ٢٠١٦.

جلس طلاب وطالبات دورة اللغة العربية المكثفة للامتحان النهائي يوم الاثنين ٢٤ رجب ١٤٣٧ الموافق ٢ مايو ٢٠١٦ بعد دراسة شهرين. كما أختتمت الدورة المكثفة ٢٩ رجب ١٤٣٧ الموافق ٧ مايو ٢٠١٦ ووزعت جوائز تقديرية للخمسة المتوفين في الدراسة. أما بقية الطلاب والطالبات فقد حصلوا على شهادات مشاركة في البرنامج.

Ucapan Terima Kasih dan Selamat Bersara kepada:



Datin Dr Hajah Mariah binti PDPD Dato Paduka Haji Abd Rahim
Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang



Pg Hajah Rokiah binti Pg Haji Jadid
Setiausaha Sulit
Pejabat Rektori

Penempatan Penolong-Penolong Pendaftar

Tempat Bertugas	Nama
Bahagian Kewangan	Awang Haji Mohamad Samari bin Haji Mohamad Noh
Pejabat Rektori	Awang Haji Mohammad Syazwan Nizar bin Haji Mat Zain
Pejabat Timbalan Rektor	Awang Haji Mohammad Asnawi bin Haji Yakib
Bahagian Pentadbiran	Awang Hamirolizam bin Haji Hamzah
Bahagian Hal Ehwal Pelajar merangkap Pegawai Kegiatan Luar	Awang Haji Khairul Idid bin Haji Zainal
Fakulti Usuluddin	Awang Suhardi bin Haji Mahadi
Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan	Awang Haji Mohammed Husaini bin Pehin Penyurat Haji Ahmad
Bahagian Peperiksaan dan Kemasukan	Dayang Siti Noor Bazilah binti Haji Abdul Razak
Bahagian Sumber dan Tenaga Manusia	Dayang Nurdiyana binti Daud
Pusat Pengajian Lepas Ijazah	Dayang Hasmahwati binti Mohammad
Fakulti Syariah dan Undang-Undang	Dayang Fazira binti Haji Kamis
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa	Dayang Siti Hajarwati binti Haji Bolhassan
Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam	Dayangku Alinah binti Haji Ali

رابطة الجامعات الإسلامية تبحث دعم العلاقات مع جامعة السلطان الشريف على الإسلامية



صورة للأمين العام لرابطة الجامعات الإسلامية بمقر رابطة الجامعات الإسلامية ورئيس جامعة السلطان الشريف على الإسلامية والوفد المرافق له

استقبل وفد جامعة السلطان الشريف على الإسلامية برئاسة الدكتور الحاج نور عرفان بن الحاج زينل رئيس الجامعة والوفد المرافق له والذي يزور مصر حاليا الدكتور جعفر عبد السلام الأمين العام لرابطة الجامعات الإسلامية بمقر رابطة الجامعات الإسلامية يوم الثلاثاء ٣ شعبان ١٤٣٧ الموافق ١٠ مايو ٢٠١٦، حيث يقوم بزيارة لشيخ الأزهر وجامعة الأزهر ومجمع البحوث الإسلامية في مصر.

في نهاية اللقاء وجه رئيس الجامعة الدعوة إلى الأستاذ الدكتور جعفر عبد السلام لزيارة الجامعة وبحث سبل الاستفادة من خبرات رابطة الجامعات الإسلامية في تطوير مناهج العلوم الشرعية وإمداد الكلية بالبحوث والدراسات التي قام بتأليفها صفوة من العلماء والباحثين في كافة التخصصات سواء داخل جامعة الأزهر أو من الجامعات الأعضاء في الرابطة، حيث وصل عدد هذه الجامعات إلى مائة جامعة عضواً في رابطة الجامعات الإسلامية.

كما ناقش خلال اللقاء مساهمة الجامعة في إعطاء منح لطلاب الجاليات الإسلامية من الدول غير الإسلامية الفقيرة وكذلك إقامة مؤتمرات بالتعاون مع الجامعة بعنوان: (تجارب تقويم الشريعة الإسلامية في العالم الإسلامي) و(نقل وتوطين التكنولوجيا بين الدول الإسلامية) وكذلك مؤتمر (مقاصد الشريعة الإسلامية).

Solat Sunat Hajat Sebelum Peperiksaan

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Hal Ehwal Pelajar seperti lazimnya telah mengadakan Solat Sunat Hajat dan doa selamat pada 22 Rejab 1437 bersamaan dengan 30 April 2016 bagi para mahasiswa dan mahasiswi yang menduduki Peperiksaan Semester Ke-2, 2015/2016. Para pensyarah dan pelajar-pelajar telah menyertai majlis tersebut yang berlangsung di dewan Auditorium UNISSA.

Peperiksaan Semester Ke-2, 2015/2016



Para pelajar yang menduduki Peperiksaan Semester ke-2, 2015/2016

Peperiksaan Semester ke-2 bagi para pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah bermula pada hari Isnin 24 Rejab 1437 bersamaan dengan 2 Mei 2016 dan berakhir pada 7 Sya'ban 1437 bersamaan dengan 14 Mei 2016.

Peperiksaan ini telah dijalankan di dewan Auditorium UNISSA.


Sekalung
Penghargaan dan
Terima Kasih
kepada:



Hajah Siti Ainun binti Haji Abdul Rahman
Penjadual
Pusat Teknologi dan Multimedia, UNISSA

yang telah berpindah tempat kerja ke Bahagian ICT, Kementerian Perhubungan pada 7 Jun 2016.

MoU Between UNISSA And University of Sharjah UAE



Group photo of UNISSA's Rector, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal and UNISSA's delegates with Professor Hamid M Al-Naimiy, Chancellor of University of Sharjah (UoS), United Arab Emirates (UAE)

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) signed a Memorandum of Understanding (MoU) with the University of Sharjah (UoS), United Arab Emirates (UAE), held on 8 Sya'ban 1437 correspondence to 15 May 2016, at the Chancellor Office of University of Sharjah. The agreement was signed by Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rector of UNISSA and Professor Hamid M Al-Naimiy, Chancellor of UoS. Also present to witness the signing ceremony were Haji Mohd Yusra bin Haji Mohd Salleh, Ambassador of Brunei Darussalam to the UAE; Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Deputy Rector of UNISSA; Dr Azme Haji Matali, Director of Mazhab Shafi'i Research Centre and other officials.

Under the MoU, the two universities agreed to cooperate in academic fields, mobility of students/staff programme in the field of Islam and other areas that can be developed. After the signing

of the MoU, the UNISSA delegation held a discussion with Professor Awad Al-Khalaf, Dean of Shariah and Islamic Studies College at UoS, and Dr Ibrahim Ali Al-Mansoori, Executive Director for Studies and Research in Islamic Finance at UoS.

The institutions agreed to accept UNISSA students in the Study Abroad Programme for a year and provide training to UNISSA academic staff and government officers.

UoS has 14 faculties and offers 80 diploma, degree, master's and PhD programmes in various fields. About 14,000 students are currently enrolled in the UoS which has more than 700 academic staff.



Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rector of UNISSA and Professor Hamid M Al-Naimiy, Chancellor of UoS signed Memorandum of Understanding (MoU)



Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rector of UNISSA and Professor Hamid M Al-Naimiy, Chancellor of UoS

Penandatanganan MoU Di Antara UNISSA Dan UMM Indonesia



Pemangku Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad (duduk tiga dari kanan), bersama Rektor UMM, Profesor Dr Karwono bergambar ramai

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mendapat sokongan padu dengan institusi pengajian tinggi luar negara setelah termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universitas Muhammadiyah Metro (UMM), Lampung, Republik Indonesia yang berlangsung pada 14 Sya'ban 1437 bersamaan dengan 21 Mei 2016.

Hadir menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Pemangku Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad, manakala bagi pihak UMM pula ialah Profesor Dr Karwono, M.Pd, Rektor Universiti berkenaan.

Dengan termeterainya MoU berkenaan pelbagai program kerjasama dalam bidang akademik akan dapat dilaksanakan dengan cara lebih berkesan.

Turut hadir bagi majlis tersebut ialah Pegawai-Pegawai Utama UNISSA terdiri daripada Dekan-Dekan Fakulti dan Pengarah-Pengarah Pusat serta seramai empat orang delegasi dari UMM.



Pemangku Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad, bersama Rektor UMM, Profesor Dr Karwono

رئيس جامعة الأزهر بمصر يلتقي وفداً من جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية

التقى وفد من جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية الدكتور إبراهيم المدهد في جامعة الأزهر بمصر يوم الإثنين ٢ شعبان ١٤٣٧ الموافق ٩ مايو ٢٠١٦ ، لبحث التعاون بين الجانبين .

حضر اللقاء من جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية الدكتور الحاج نور عرفان رئيس الجامعة، و الدكتور الحاج محمد حسين نائب رئيس الجامعة كما حضر كذلك مدير مركز مذهب الشافعي بالجامعة والملحق الثقافي والتعليمي ومن جامعة الأزهر نائب رئيس الجامعة للدراسات العليا الدكتور أشرف البدويهي .

وبحث اللقاء استعانا مركز الإمام الشافعي بعدد من أساتذة جامعة الأزهر للتدرис بما طبقا للبروتوكول الموقع بين جامعة الأزهر وجامعة السلطان الشريف علي الإسلامية في وقت سابق.



صورة لرئيس الأزهر ورئيس جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
والوفد المرافق له

وفد من جامعة السلطان الشريف على الإسلامية يلتقي الأمين العام لمجمع البحوث الإسلامية لبحث سبل التعاون



صورة للأمين العام لمجمع البحوث الإسلامية ورئيس جامعة السلطان الشريف على الإسلامية والوفد المرافق له

لإنجاز هذا العمل على الوجه الذي يليق بجلالة القرآن الكريم.

وأكّد الأمين العام أهمية هذا العمل واستعداد مجمع البحوث الإسلامية لتقديم الخدمات الالزمة لذلك كما تم بحث عدد من الأمور العلمية المتعلقة بمهام مجمع البحوث الإسلامية وحاجة مسلمي بروناي إلى التراث العلمي الأزهري.

التقى وفد رفيع المستوى برئاسة الدكتور الحاج نور عرفان الحاج زينل رئيس جامعة السلطان الشريف على الإسلامية الدكتور محبي الدين عفيفي، الأمين العام لمجمع البحوث الإسلامية يوم الإثنين ٢ شعبان ١٤٣٧ الموافق ٩ مايو ٢٠١٦ في مصر.



اجتماع مدير جامعة السلطان الشريف على الإسلامية مع الأمين العام لمجمع البحوث الإسلامية

وذلك لبحث أوجه التعاون بين المجمع والجامعة فيما يتعلق بقيام جامعة "السلطان الشريف" بطبعه المصحف الشريف لخدمة المسلمين في "بروناي دار السلام" باسم "مصحف جامعة السلطان الشريف على الإسلامية"، حيث بحث الجانبان المراحل الالزمة

SIDANG EDITORIAL AL-NASHRAH

Penaung

Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal
Rektor UNISSA

Penasihat

Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad
Timbalan Rektor
UNISSA

Penolong Penasihat

Dr Arman bin Haji Asmad
Penolong Rektor
UNISSA

Ketua Pengarang

Dr Hajah Rose binti Abdullah
Pengarah
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, UNISSA

Penolong Ketua Pengarang

Profesor Madya Dr Jilani Ben Touhami Meftah
Timbalan Pengarah
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, UNISSA

Setiausaha

Dayang Julia binti Radin
Penerbit Kanan
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, UNISSA

Pengarang Urusan Bersama

Dr Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi
Penyelaras Penerbitan Bahasa Melayu, UNISSA

Dr Abuel Bashar Ali Adam
Penyelaras Penerbitan Bahasa Arab, UNISSA

Ustazah Salwani binti Sabtu
Penyelaras Penerbitan Bahasa Inggeris, UNISSA

Perekabentuk Grafik

Muhammad Norhadi bin Awang Ahmad

Rekaletak Dalam

Nazeerah binti Johan Ariffin
Julia binti Radin

Terbitan:

UNISSA Press

Simpang 347, Jalan Pasar Baharu, Gadong BE1310, Negara Brunei Darussalam
Telefon: +673 2462000 (332) Email: alnashrah@unissa.edu.bn
Website: www.unissa.edu.bn